LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai kemudahan Kad Komersial Visa Public Bank anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapatinya berguna untuk mereka; **anda juga harus membacanya.** Pastikan juga anda membaca Terma dan Syarat amnya di laman web Public Bank.

PUBLIC BANK 大众银行

Kad Komersial Visa

Tarikh:

1. Apakah produk ini?

Ini adalah Kad Komersial Visa PB, dengan kemudahan kredit diberi oleh Public Bank Berhad kepada Syarikat. Amoun kredit yang digunakan oleh Syarikat belum dilunaskan sepenuhnya pada atau sebelum suatu tarikh yang ditetapkan, amoun yang belum dilunaskan itu adalah tertakluk kepada Caj Kewangan.

2. Ketahui Kewajipan Anda

Pembayaran Balik Bulanan

- Syarikat mesti menyelesaikan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh perlu bayar.

Tempoh Bebas Faedah

- Nikmati tempoh tanpa faedah selama 25 hari bagi semua urus niaga runcit baharu mulai tarikh penyata.

Anda bertanggungjawab untuk:

Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatanganinya.

Bayar baki tertunggak sepenuhnya **sebelum atau pada tarikh tamat tempoh**.

Hubungi kami dengan segera setelah mengetahui kehilangan **atau** penggunaan kad anda tanpa kebenaran.

Fi dan Caj

- Fi Tahunan:
  Pengecualian sepenuhnya Fi Tahunan untuk tahun pertama.

Jenis Kad	Fi Tahunan
Kad Komersial Visa PB	RM150

- Fi dan caj lain

Cukai Perkhidmatan Kad	RM25 setahun bagi setiap kad
Spread Pertukaran Asing	Urus niaga yang dibuat dalam mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia menggunakan Dolar Amerika Syarikat (AS) sebagai mata wang asas pada tarikh ia diterima dan/atau diproses pada kadar pertukaran seperti yang mungkin ditentukan oleh Visa International. Selain itu, anda juga perlu membayar Spread Pertukaran Asing sebanyak 1.25% daripada amaun Ringgit Malaysia yang ditukar itu bagi pertukaran urus niaga yang dibuat dalam mata wang asing. Pertukaran mungkin berbeza daripada kadar yang berkuat kuasa pada tarikh urus niaga disebabkan turun naik pasaran. Kadar yang dikenakan berkenaan adalah muktamad dan konklusif dan Ahli Kad hendaklah menanggung semua risiko pertukaran, kerugian, komisen dan caj bank lain yang mungkin dikenakan.
Fi Mendapatkan Semula Draf Jualan	RM15 bagi setiap permohonan Draf Jualan

Nota: Apa-apa cukai yang perlu dibayar atau dikuatkuasakan.

- Caj Kewangan
  Caj kewangan sebanyak 18% setahun yang dikira atas baki harian diterima pakai atas semua baki yang tertunggak.
- Pengagihan Bayaran
  Bayaran akan diagihkan untuk menjelaskan baki belum jelas dalam penyata yang dikenakan faedah yang lebih tinggi dahulu.

Fungsi Tanpa Sentuh:

- Untuk membuat bayaran, hanya sentuh kad anda pada antara muka tanpa sentuh pembaca terminal apabila diminta berbuat demikian. Nombor PIN atau tandatangan tidak diperlukan bagi urus niaga tanpa sentuh sehingga RM250.00 di Malaysia.
- Apabila urus niaga tanpa sentuh kumulatif anda telah mencapai had, anda dikehendaki membuat satu lagi urus niaga dengan memasukkan nombor PIN di terminal Tempat Jualan (POS). Sebaik sahaja tindakan itu dibuat, had akan ditetapkan semula secara automatik.
- Untuk menukar had urus niaga tanpa sentuh kumulatif atau menyahaktifkan fungsi tanpa sentuh, anda boleh menghubungi Meja Bantuan Perkhidmatan Kad PB melalui 03-2170 8000.

3. Ketahui Risiko Anda

Bagaimanakah sekiranya saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

(i) **Caj Pembayaran Lewat**: Caj pembayaran lewat sebanyak RM25 akan dikenakan ke atas syarikat-syarikat yang tidak menyelesaikan jumlah sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang setiap bulan.

(ii) **Hak Untuk Menolak Selesai**: Public Bank Berhad mempunyai hak untuk menolak selesai semua atau sebarang akaun anda yang dikendalikan oleh Bank dan/atau subsidiari terhadap baki tertunggak dalam akaun Kad Komersial ini dengan tujuh (7) hari kalendar notis terlebih dahulu.

3. Ketahui Risiko Anda, samb.

(iii) **<u>Liabiliti Bagi Urus Niaga Tanpa Kebenaran</u>**: Sekiranya kad hilang/dicuri atau digunakan tanpa kebenaran, anda akan dipertanggungjawabkan bagi semua urus niaga sekiranya anda:

- melakukan penipuan;
- melewat-lewatkan untuk memaklumkan kepada Bank dalam tempoh masa yang semunasabah yang mungkin selepas mengetahui mengenai kehilangan/kecurian atau penggunaan Kad tanpa kebenaran itu;
- mendedahkan PIN kepada orang lain secara sukarela;
- menulis PIN pada Kad atau pada apa-apa sahaja yang amat dekat dengan Kad yang boleh hilang bersama-sama dengan Kad;
- meninggalkan Kad, atau barang yang di dalamnya terdapat Kad tersebut tidak mengawasi; dan/atau
- sengaja membenarkan orang lain menggunakan Kad tersebut. Jika siasatan mendapati bahawa anda terbabit dalam menyebabkan pengenaan caj tanpa kebenaran, anda akan dipertanggungjawabkan bagi semua caj tanpa kebenaran, termasuk caj kewangan, sama ada sebelum atau selepas Bank menerima pengesahan tersebut. Dengan ini adalah dipersetujui bahawa Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Had Kredit tidak melebihi jumlah yang ditetapkan oleh Bank.

Nota: Sekiranya anda gagal mematuhi Terma dan Syarat Kad Komersial ini, kami berhak untuk menamatkan Kad anda.

4. Syarat Utama Lain

- Anda perlu memaklumkan kepada Public Bank dengan serta-merta selepas menyedari bahawa Kad Komersial anda telah hilang, dicuri atau digunakan tanpa kebenaran.
- Jika anda tidak ingin menerima Makluman Segera Tentang Urus Niaga Melalui SMS, anda tidak dapat mengambil tindakan segera untuk memaklumkan kepada Bank sekiranya berlaku urus niaga tanpa kebenaran ke atas akaun kad anda.
- Caj Kewangan dan Caj Pembayaran Lewat akan dikenakan ke atas baki tertunggak bagi Kad Kommersial ini. Pertimbangkanlah keupayaan pembayaran balik anda apabila mengecajkan Kad Komersial anda. Sekiranya anda menggunakan Kad Komersial untuk membayar pembiayaan lain, jumlah pembayaran balik adalah lebih banyak.
- Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda sekiranya anda tidak membuat bayaran bagi baki kad anda.
- Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda bagi memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu. Untuk pertanyaan, sila hubungi talian 03-2616 7766.

Apakah dokumen yang diperlukan untuk dikemukakan?

Untuk pemprosesan, sila ingat untuk mengepilkan:

<u>Bagi Syarikat Swasta Terhad Dan Tersenarai**</u>

- Sijil-sijil Pendaftaran Perniagaan
  - Memorandum atau Perkara-Perkara Persatuan
  - Borang 9 atau Seksyen 17
  - Borang 24 dan 49 atau Seksyen 14, 58 dan 236(2)
- Penyata Kewangan Beraudit (2 Tahun Terakhir)
- Kad Pengenalan/Pasport (dengan permit kerja yang sah) semua Pengarah mengikut Borang 49 atau Seksyen 58

<u>**Kelayakan:</u>

- Minimum 2 tahun dalam Mengendalikan Perniagaan
- Modal Berbayar Minimum sebanyak RM100,000

Jika anda mempunyai apa-apa soalan atau memerlukan bantuan mengenai Kad Komersial anda, anda boleh:

Hubungi kami melalui
03-2170 8000

Layari laman web Public Bank

E-mel kepada kami melalui:
commprd@publicbank.com.my

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 9 Oktober 2026.

Mustahak: Sila ambil perhatian bahawa semua dokumen tidak akan dipulangkan.